

TUN ABDUL RAZAK `SOCIAL ENGINEER' PEMERINTAHAN NEGARA

Date: 16-06-2007

Author: / JUR LIB ROS

Zainuddin-Legasi

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Seri Zainuddin Maidin meletakkan Tun Abdul Razak sebagai `social engineer' terbesar dalam sejarah pemerintahan negara.

Tun Abdul Razak, kata beliau, meninggalkan sesuatu yang amat berharga apabila memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) terutama bagi membasmi kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira keturunan.

"Pada masa kini kontrak sosial yang telah terjalin sejak DEB diperkenalkan semakin dilupakan dengan menggunakan kebebasan sebagai alasan.

"Golongan ini tidak pernah terfikir kerana kontrak sosial yang wujud sebelum inilah, kini kita dapat bina kemakmuran negara seperti sekarang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutupan seminar Legasi Tun Abdul Razak di sini hari ini.

DEB yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua itu merupakan mekanisme dinamik bagi kemantapan dan pengisian kontrak sosial antara orang Melayu dan bukan Melayu setelah orang Melayu bersetuju memberikan hak kerakyatan kepada bukan Melayu sebagai jambatan ke arah kemerdekaan.

Sehubungan itu, Zainuddin berkata ada pihak tidak bertanggungjawab yang melihat ketelusan dan kebebasan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai peluang untuk merungkaikan kontrak sosial.

"Bukanlah tujuan Perdana Menteri memberikan kebebasan untuk parti politik dan media melanggar hak asasi rakyat negara yang diasaskan di bawah kontrak sosial dan juga kebebasan itu bukan bagi media membangkitkan semula perkara sensitif dalam soal agama dan hak sesuatu bangsa," katanya.

Nilai kebebasan dalam tahap itu, katanya, dipraktikkan sejak negara kembali kepada demokrasi pada tahun 1971 dan membolehkan perjalanan dan perkembangan demokratik yang aman damai dan makmur.

Beliau berkata Abdullah sedang meneruskan usaha untuk membangunkan nasionalisme Malaysia yang melampaui batas kaum dan agama dengan caranya yang tersendiri yang banyak mengikut gaya Tun Abdul Razak.

"Adunan mekanisme Tun Abdul Razak dan kekuatannya ialah terhadap kepakaran birokratik dan kepintaran politik dan dalam hal ini ada `chemistry' yang dilihat antara Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Zainuddin turut mengingatkan generasi muda untuk mempelajari sejarah supaya kontrak sosial yang sedia ada tidak akan tergugat.

Sementara itu, Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang juga Ketua Pemuda Umno berkata legasi yang ditinggalkan oleh tokoh pemimpin sebelum ini tidak boleh dipelajari daripada mana-mana buku kerana perkongsian pengalaman mereka yang terlibat secara langsung dengan tokoh tersebut lebih bermakna.

"Golongan muda mestilah belajar daripada khazanah pemimpin terdahulu bagi membolehkan negara berdiri sebaris dengan negara maju lain.

"Bagi saya tiga pendekatan yang ditinggalkan oleh Tun Abdul Razak iaitu kesetiaan, kejujuran dan keikhlasan adalah penting kerana dengan tiga perkara itu, maka tidak ada perkara mustahil yang kita tidak dapat atasi," katanya.

Beliau berkata seminar yang dianjurkan Akademi Pemuda itu sangat relevan dan tepat pada masanya buat golongan muda menghayati bersama.

Semua usul atau pandangan akan dibawa ke mesyuarat peringkat exco

Pemuda Umno pada Isnin ini, katanya.

-- BERNAMA
JUR LIB ROS